

SULIT

1103/1

**1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos
2017
2 ¼ jam**



**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2017
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**MODUL 1
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
PERATURAN PEMARKAHAN**

1103/1© Hak Cipta terpelihara MPSM (Cawangan Kedah)

SULIT

**BAHAGIAN A: SOALAN KARANGAN BERPANDUKAN BAHAN RANGSANGAN
MARKAH PENUH : 30 MARKAH**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menepati tema bahan rangsangan ▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat ▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ Wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik ▪ Idea relevan, huraian jelas dan matang
Baik	20-25	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menepati tema bahan rangsangan ▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat ▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ Penggunaan kosa kata luas ▪ Wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi ▪ Idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15-19	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Masih menepati tema bahan rangsangan ▪ Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat ▪ Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat ▪ Penggunaan kosa kata umum ▪ Wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi ▪ Idea masih relevan, huraian masih jelas
Kurang memuaskan	10-14	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Masih/kurang menepati tema bahan rangsangan ▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat ▪ Kesalahan tatabahasa /ejaan ketara ▪ Penggunaan kosa kata terhad ▪ Wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi ▪ Idea masih /kurang relevan, huraian masih / kurang jelas
Pencapaian minimum	01-09	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis ▪ Murid tidak memahami tema bahan rangsangan ▪ Idea tidak menepati tema bahan rangsangan

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

BAHAGIAN A : (30markah)

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

*Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah untuk menyuburkan semangat kehiranian dalam kalangan masyarakat di negara kita.** Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Skop : Semangat kehiranian

a. Format : Tiada

b. Diharapkan calon dapat :

1. menghuraikan langkah-langkah untuk menyuburkan semangat kehiranian dalam kalangan masyarakat di negara kita.
2. menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - Menjalankan aktiviti gotong-royong
 - Menyemarakkan budaya kunjung-mengunjung
 - Mengadakan majlis rumah terbuka

c. Kemungkinan :

1. Sekiranya calon mengambil satu idea sahaja yang diberi dan ditambah dengan isi yang lain, layak diberikan cemerlang. Periksa seperti biasa.
2. Calon menghuraikan satu idea sahaja. Diterima. Periksa seperti biasa.
3. Sekiranya jumlah perkataan kurang 200 patah perkataan, tidak boleh cemerlang kerana huraian dianggap tidak berkembang – maksimum kurang memuaskan.
4. Calon menulis idea lain selain daripada yang terdapat dalam bahan rangsangan tetapi masih menyentuh tugas soalan – kepujian Atas

Komen pemeriksa:

T =Tugasan

I =Idea

B =Bahasa

(Lebih baik jika pemeriksa dapat memasukkan P = Pengolahan dalam komen)

**BAHAGIAN B : KARANGAN RESPONS TERBUKA
(100 Markah)**

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan pada peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan
 - a. Kurang daripada 350 patah perkataan, periksa seperti biasa.
 - b. Terlalu panjang - periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak 1/2 markah dan pemotongan maksimum 3 markah.
Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

BIL.	KRITERIA	DESKRIPSI
1.	BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan - Kata (morfologi) <li style="padding-left: 100px;">- Ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2.	LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kata
3.	IDEA (Isi)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan <p>(Huraian/bahasa/hujahan/ccontoh)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerelevanan
4.	PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5.	GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan kosa kata sangat luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
Kepujian	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
Baik	<p>51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan kosa kata masih tepat. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Pengolahan masih menarik dan pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan masih berkesan.
Memuaskan	<p>36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata masih tepat/kurang tepat. • Ayat masih /kurang gramatis. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan masih/kurang menarik. • Wacana masih/kurang lengkap. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		kurang menarik.
Kurang memuaskan	21 - 35 (28 – 35) (21 – 27) .	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kata kurang tepat. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
Pencapaian Minimum	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas /tidak berkembang dan contoh tidak sesuai • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis

K	-	Peringkat Markah	contoh	K	-	75
-E	-	Mak. 3 markah		-E	-	03
-F	-	Mak. 2 markah		-F	-	02
Jumlah	-	Markah bersih		J	-	70

CADANGAN ISI SOALAN B

Soalan 1

Anda mengambil bahagian dalam pertandingan pidato peringkat sekolah. Tajuk pidato ialah 'Faedah Perhimpunan Pagi kepada Murid'.

Sediakan teks pidato tersebut selengkapnya.

- A. Berformat
- B. Cadangan isi:
 1. Dapat melahirkan murid yang bertanggungjawab dalam mengurus masa, menghargai kemudahan pendidikan yang disediakan serta insan disekeliling mereka.
 2. Memberi penerangan kepada murid mengenai aktiviti semasa
 3. Memberi nasihat untuk kebaikan murid.
 4. Membentuk murid yang berdisiplin
 5. Menjadikan sebagai medan memupuk semangat kekitaan, rasa selamat dan menyeronokkan.

Soalan 2

- 2 Peningkatan kos pendidikan, kos rawatan dan harga makanan telah menimbulkan masalah kewangan dalam keluarga.

Bincangkan.

- A. Format Tiada
- B. Cadangan isi:
 1. Setiap ahli keluarga perlulah mengamalkan amalan berjimat cermat.
 2. Sikap berjimat cermat dalam setiap ahli keluarga hendaklah bermula dengan amalan yang mudah-mudah terlebih dahulu seperti mengawal penggunaan keperluan asas terutama elektrik dan air
 3. Ibu bapa mendidik anak-anak mengamalkan sikap bersederhana dalam hal makan minum, pakaian dan berbelanja sekadar yang perlu sahaja.
 4. Anak-anak yang menunggu keputusan peperiksaan mungkin boleh membantu ibu bapa bekerja sambilan untuk menambahkan pendapatan keluarga dan mengurangkan bebanan.
 5. Setiap ahli keluarga mestilah meningkatkan pengetahuan tentang ilmu kepenggunaan dan cakna dengan hak kita sebagai pengguna.
 6. Sebagai ketua keluarga, ibu bapalah yang berperanan untuk menyediakan belanjawan kewangan keluarga manakala anak mestilah dibawa berunding bersama.
 7. Ibu dicadangkan untuk masak sendiri di rumah untuk keluarga dan kurangkan aktiviti makan di luar sebagai langkah penjimatan.

8. Anak-anak boleh membawa bekalan ke sekolah.

Soalan 3

3 Kerjasama ibu bapa, komuniti dan pihak sekolah dapat mengurangkan kes buli yang berlaku di sekolah.

Ulas pernyataan di atas.

A. Format Tiada

B. Cadangan isi:

1. Pihak sekolah dengan kerjasama daripada PIBG mengadakan Program Pemantapan Disiplin/ Program permuafakatan antara sekolah, ibu bapa dan pihak polis perlu Dijalankan setahun dua kali.
2. Pihak sekolah hendaklah melibatkan PIBG dalam aktiviti sekolah seperti Sambutan Hari Guru, Hari Keluarga, Hari Terbuka dan sebagainya.
3. Program Kerohanian yang melibatkan guru, ibu bapa dan murid juga perlu diadakan.
4. Pihak PIBG perlu membantu sekolah untuk memasang Kamera Litar Tertutup.
5. PIBG harus menjadi mata dan telinga kepada pihak sekolah

Soalan 4

4 Generasi muda merupakan tonggak pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, pelbagai bidang yang ada di negara ini perlu dimajukan termasuklah bidang pertanian.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan generasi muda menceburi bidang pertanian.

A. Format Tiada

B. Cadangan isi:

1. Memberi kesedaran bahawa sektor pertanian didominasi oleh golongan tua dan ini menyebabkan produktiviti menjadi rendah. Dengan itu, golongan muda yang mempunyai banyak kudrat harus membantu membangunkan sektor ini.
2. Memberi bantuan dan perundingan.
3. Menggunakan teknologi moden untuk manggandakan hasil pengeluaran sesuatu produk dengan menggabungkan teknologi sains dan pertanian.
4. Memberi tahu contoh kejayaan negara-negara maju dan menjadi kaya-raya daripada hasil pendapatan bidang pertanian.
5. Memberi kursus yang berasaskan motivasi dan teknik memodenkan pertanian dan pengurusan ladang dijalankan dengan lebih agresif oleh agensi kerajaan dan pihak swasta.

Soalan 5

- 5 Karya sastera merupakan karya yang mengandungi banyak perkara yang boleh dijadikan pedoman hidup.

Berdasarkan karya yang anda baca, jelaskan perkara-perkara yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita.

A. Format Tiada

B. Cadangan isi:

1. Mewujudkan masyarakat penyayang.
2. Membentuk peribadi mulia.
3. Menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif.
4. Sifat tanggungjawab.
5. Nilai-nilai kehidupan.

SULIT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos
2017
2 1/2 jam



MODUL PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
TINGKATAN 5
TAHUN 2017

ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

MODUL 1

PERATURAN PEMARKAHAN

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan:
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda / berulang
 - penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Isi										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / Kesimpulan											2
Jumlah markah											20

- (v) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (vi) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-8	-Kesinambungan isi baik -Struktur ayat/ tatabahasa baik -Kosa kata luas -Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-5	-Kesinambungan isi masih baik -Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -Kosa kata masih memuaskan -Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	-Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- i. Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan [2 markah]**

P1	Petikan membincangkan kebaikan/ manfaat/ faedah/ kelebihan disiplin dalam kalangan murid di sekolah.	2
P2	Petikan membincangkan kebaikan/ manfaat/ faedah/ kelebihan disiplin dalam kalangan murid dan kesan-kesan murid tidak berdisiplin.	2
P3	Rumusan membincangkan kebaikan/ manfaat/ faedah/ kelebihan disiplin dalam kalangan murid dan cabaran untuk mendisiplinkan murid.	2
P4	Petikan/ Rumusan membincangkan kebaikan/ manfaat/ faedah/ kelebihan disiplin dalam kalangan murid.	1
P5	Petikan membincangkan kebaikan/ manfaat/ faedah/ kelebihan disiplin dalam kalangan murid dan cabaran dalam mendisiplinkan murid.	1
P6	Petikan membincangkan kepentingan disiplin dalam kalangan murid di sekolah.	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

S1 - memastikan murid bertingkah laku baik.	2
S2 - mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.	2
S3 - kelihatan berkeperibadian tinggi dan berketerampilan	2
S4 - mengawal murid melakukan perkara-perkara negatif.	2
S5 - mengawal diri di dalam kelas semasa proses pembelajaran dan pengajaran	2
S6 - murid tidak mudah terjebak dalam sebarang masalah disiplin di sekolah	2
S7 - menentukan kejayaan seseorang murid dalam pelajaran	2
S8 - menjamin keberkesanan dalam pembelajaran	2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

T1 - kurang sokongan/ kerjasama/ perhatian ibu bapa	2
T2 - ibu bapa menyaman sekolah/ mengambil tindakan terhadap sekolah	2
T3 - peraturan sekolah longgar/ guru tidak dibenarkan merotan murid	2
T4 - sikap negatif murid terhadap guru/ murid mengugut/ mengancam guru	2
T5 - pengaruh negatif rakan sebaya	2
T6 - pengaruh media massa	2
T7 - murid terlibat dalam kumpulan gengster/ samseng	2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

K1 - Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk mendisiplinkan murid agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia.	2
K2 - Kesimpulannya, murid perlu mendisiplinkan diri sendiri agar akhlak/ sahsiah mereka terpelihara.	2
K3 - Kesimpulannya, murid haruslah berdisiplin semasa berada di kawasan sekolah.	1

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2 (c) : **8** markah

Soalan 2 (d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat Gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup - Isi cukup tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat Gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat Gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas.ayat gramatis	0

Soalan 2(a): Petikan Umum

- (i) **Maksud persepsi positif.**
- | | |
|--|---|
| - pandangan/ tanggapan/ gambaran yang baik | 2 |
| - pandangan/ tanggapan/ gambaran positif | 1 |
| - persepsi yang baik | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) **Kesan-kesan**
- | | |
|---|---|
| P1 - merosakkan harta benda sekolah | 1 |
| P2 - terlibat dalam pergaduhan di kawasan sekolah | 1 |
| P3 - ponteng kelas | 1 |
| P4 - lewat masuk ke kelas | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) **Usaha Ibu bapa**
- | | |
|---|---|
| P1 - memberi didikan agama/ mendidik anak-anak tentang agama/
bersolat | 1 |
| P2 - menasihati/ memotivasikan anak-anak | 1 |
| P3 - sentiasa bersama-sama/ mendampingi anak-anak | 1 |
| P4 - menunjukkan sahsiah/ akhlak/ disiplin yang baik | 1 |
| P5 - memberi perhatian/ kasih sayang kepada anak-anak | 1 |
| P6 - memantau tingkah laku anak-anak | 1 |

(Aktiviti lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi tanpa huraian]

ATAU

[Isi cukup : 2 isi dengan huraian]

2(b): Petikan Prosa Moden**(i) Bukti**

P1 - jari-jemarinya jelas montok	1
P2 - jari-jemarinya gebu	1
P3 - Jari-jemarinya kelihatan padat berisi	1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Keperluan makanan seimbang

- P1 - badan kita cergas dan otak kita cerdas
 P2- dapat menghindarkan kita daripada pelbagai jenis penyakit
 P3- mendapat kesihatan tubuh badan yang baik
 P4 -menjamin tumbesaran fizikal sempurna
 (Keperluan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]**(iii) Satu persoalan dalam petikan****P1 – Persoalan kepentingan gaya hidup sihat / pemakanan seimbang**

[1+1]

Huraian: Jari Aiman montok, gebu dan berisi kerana mendapat pemakanan seimbang kerana keluarganya mementingkan pemakanan seimbang dan gaya hidup sihat.

P2 – Persoalan hilangnya nilai kemanusiaan

[1+1]

Huraian: Aiman sering ditampar oleh *Babahnya* dan tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Satu persoalan dalam keseluruhan cerpen**K1 – Persoalan tanggungjawab ibu bapa**

[1+1]

Huraian: Ibu bapa Aiman membawa Aiman untuk menjalani latihan intensif dan latihan terapi bagi memulihkan pertuturannya yang gagap.

K2 – Persoalan kebijaksanaan seorang kanak-kanak

[1+1]

Huraian: Aiman Akil mampu menyelesaikan masalah Matematik tingkatan 5 walaupun dia baru berusia lapan tahun.

K3 - Persoalan ketegasan guru mendidik [1+1]

Huraian: Guru kelas Aiman memberi amaran keras kepadanya kerana mengganggu rakan-rakan yang lain semasa belajar.

K4 – Persoalan kasih sayang seorang ibu [1+1]

Huraian: Ibu Aiman Akil tidak setuju dengan tindakan bapanya yang sering merotannya.

(Persoalan lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c): PetikanProsaTradisional**(i) Maksud :**

- bersikap /berperangai ganjil/pelik

2

(ii) Tindakan Tun Umar

- Tun Umar pergi dengan sebuah perahunya olang-oleng
- Tun Umar melanggar dua tiga buah perahu Siam hingga terbalik
- Semasa balik, Tun Umar melanggar pula perahu yang lain

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Sebab-sebab

- P1 - menunjukkan kehebatan raja
- P2 - lambang keagungan golongan raja
- P3 - strategi peperangan
- P4 - jaminan keselamatan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(d) : Puisi Moden**(i) Maksud :**

- timbul rasa insaf/ kesedaran pada diri yang berdosa

2

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Kebaikan-kebaikan**

P1 - tidak akan mengulangi kesalahan/ sentiasa berhati-hati dalam tindakan

P2 - berazam menjadi orang baik/ mendekati diri dengan Tuhan/ sentiasa bertaubat

P3 - memperoleh ketenangan jiwa

P4 - mendapat ramai sahabat/ dihormati masyarakat.

P5 - kesalahan lalu dijadikan teladan

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Nilai****P1 - Keinsafan**

[1+1]

Huraian : Penyajak menginsafi segala kesalahannya yang lalu

P2 - Kesungguhan

[1+1]

Huraian : Penyajak bersungguh-sungguh mendapatkan keampunan sebelum meninggal dunia

P3 - Keikhlasan

[1+1]

Huraian : Penyajak bertaubat dengan penuh keikhlasan sehingga menitiskan air mata

P4 – Ketaatan

[1+1]

Huraian : Penyajak taat kepada Pencipta dan berharap akan mendapat pengampunan daripada Penciptanya

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a): **6 markah**

Soalan 3(b): **6 markah**

Soalan 3(c): **6 markah**

Soalan 3(d): **6 markah**

Soalan 3(e): **6 markah**

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

- (i) memotong
 - memutuskan sesuatu (dengan pisau, gergaji), menghiris
 - mengurangi gaji
 - memintasi jalan (memotong kenderaan)
 - Menyelang (percakapan orang)
- (ii) menahan
 - tidak membiarkan lepas (menyekat)
 - tidak membenarkan masuk
 - meletakkan sesuatu supaya tidak roboh
 - mengurung, memasukkan seseorang ke dalam lokap (menahan reman)
 - mengurangkan makan (menahan lapar)
 - menguatkan diri supaya tahan (menahan tangis, menahan marah)
 - memasang (menahan jerat)
 - melambai-lambaikan tangan supaya (bas, kereta, teksi) berhenti
- (iii) menarik
 - menghela supaya bergerak ke arah diri sendiri (maju ke hadapan, keluar, tercabut, dll), menyentak, menyeret: *menarik perahu*
 - memikat hati: *permainan yang sungguh istimewa dan menarik*
 - berubah air muka: *menarik muka masam*
 - menyedut udara: *menarik nafas panjang*
 - mulai menyanyi dengan suara yang nyaring: *penyanyi itu menarik suaranya*
 - meletakkan jawatan, enggan menerima jawatan, keluar dari perhimpunan dengan kemahuan sendiri

[6 markah]

Menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif

- (i) Kawasan tanah kebun dibersihkan oleh golongan petani dengan kaedah pembakaran terbuka.
- (ii) Mangsa kemalangan jalan raya itu telah kami bawa ke hospital sebelum ambulans tiba di tempat kejadian.
- (iii) Perlawanan bola sepak dapat anda saksikan secara langsung sekiranya anda menjadi pelanggan stesen televisyen kami.

[6 markah]

Jawapan 3(c)

Kesalahan ejaan

memanfaat	-	memanfaatkan
stress	-	stres
kraftangan	-	kraf tangan

Kesalahan imbuhan

senaman	-	bersenam
dikawasan	-	di kawasan
keunikkan	-	keunikan

[6 markah]

Jawapan 3(d)

Kesalahan istilah atau kata dan tatabahasa

- (i) berhenti - mendarat
sebab - kerana
- (ii) pencatuan - pencatutan
jika sekiranya - jika / sekiranya
- (iii) pembonceng - penunggang
pihak polis saman - disaman (oleh) pihak polis

[6 markah]

SULIT

1103/2

Jawapan 3(e) Peribahasa

- (i) ular menyusur akar tak akan hilang bisanya.
- (ii) sambil menyelam minum air
- (iii) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah; ke bukit sama didaki, kelurah sama dituruni; berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
 (iii) Beri 1 markah bagi setiap latar tempat yang betul
 (iv) Berikan 1 markah bagi huraian/ccontoh yang lengkap/jelas bagi setiap latar tempat.
 (v) Markah isi, maksimum 4 markah.
 (vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah.
 (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.

Baik	: 3 markah
Sederhana	: 2 markah
Lemah	: 1 markah

- vi) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 vii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
 (iii) Jawapan mesti merujuk kepada peristiwa yang mengandungi teladan di bahagian peleraian bagi setiap novel.
 (iv) Berikan 1 markah untuk **penyataan peristiwa** yang menjadi teladan di bahagian peleraian setiap novel.
 (v) Berikan 2 markah untuk sebab/alasan peristiwa peleraian tersebut menjadi teladan kepada pembaca.
 (vi) Maksimum markah setiap isi 3 markah (Isi cukup 2 isi).
 (vii) Huraian peristiwa tanpa menyatakan alasan peristiwa itu menjadi teladan kepada pembaca berikan 0 markah.
 (viii) Markah isi, maksimum 6 markah.
 (ix) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
 (x) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
- (xi) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 (xii) Calon tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

4 (a) Latar Tempat**NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN KARYA RUHANI MAT DARI****1.Kampung Sentosa**

- Tempat Lili menghabiskan masa cuti persekolahannya selama dua minggu

2.Rumah datuk/ Haji Abdul Rahman

- Danel dan ayahnya William Ng datang ke rumah datuk untuk berubat
- Tempat Datuk bercerita tentang kemujaraban akar kayu kepada Lili.

3.Surau Kampung Sentosa

- Tempat berlakunya kekecohan kerana isu pembinaan masjid dan kubah surau serta sikap penduduk kampung yang berpuak-puak.

4. Balai Raya

- Tempat penduduk kampung berkumpul bagi menyelesaikan masalah pembelian tanah orang kampung oleh orang yang tidak dikenali.
- Tempat Che Jah membuat pengakuan bahawa suaminya Seman yang melarikan kubah surau

6. Kedai Runcit Letchumi

- tempat nenek membawa Lili berbelanja
- tempat Lili bertemu dengan Geetha kali kedua
- tempat Geetha bercerita tentang Datuk kepada Lili.

7. Rumah Che Jah

- Haziq dan Rafiq dipukul oleh ayahnya Seman
- Lili dibawa oleh Abang Rashid untuk melawat Haziq dan Rafiq yang dipukul oleh Seman.

8. Pondok Usang

- Tempat Lili dikurung ketika diculik oleh Haziq dan Raziq.

NOVEL SONGKET BERBENANG EMAS KARYA KHAIRUDDIN AYIP

1. **Padang bola jaring**
 - Dahlia berlatih bola jaring bersama dengan rakannya, Siti Wangi.
2. **Kantin sekolah**
 - Tempat Azahari menunggu Dahlia untuk bertemu dengannya.
3. **SMK Tun Ismail**
 - Tempat Azahari dan Dahlia belajar, sewaktu Dahlia tingkatan 1 dan Azahari tingkatan 5.
4. **SM Temenggung Ibrahim**
 - Dahlia menimba ilmu sebagai pelajar tingkatan 6 dan dia tinggal di asrama sekolah ini.
5. **Bilik kerjaya**
 - Tempat cikgu Hisyam mendapat tahu masalah Dahlia daripada Kavita
 - Tempat Dahlia bertemu dengan Cikgu Hisyam.
5. **Kebun getah**
 - Tempat Saleha menoreh getah dan bersembunyi.
6. **Hospital Batu Bahat (Wad 6)**
 - Tempat Saleha dibawa untuk mendapatkan rawatan awal
7. **Hospital Batu Bahat (Wad 4)**
 - Tempat Embong dirawat setelah dipatuk ular
8. **Hospital Permai Johor Bahru**
 - Tempat Saleha dirawat
 - Tempat Azahari bekerja sementara setelah mendapat segulung ijazah
9. **Kebun kelapa sawit di Parit Haji Kadir**
 - Tempat Embong bekerja sebagai pengait kelapa sawit
 - Tempat Embong dibelit oleh ular sawa
10. **SK Jelotong**
 - Tempat Said dan Melati bersekolah
11. **Rumah Aton**
 - Tempat Dahlia disindir oleh Aton. Aton mengatakan bahawa Dahlia punca kematian Said.
12. **Balai Raya kampung Haji Rais**
 - Penduduk kampung bergotong-royong semasa majlis sambutan maulidur rasul
 - Tempat pemindahan mangsa banjir yang berlaku di kampung Dahlia.

Soalan 4(b) : Dua peristiwa pada bahagian peleraian yang memberi teladan kepada pembaca

Novel Jendela Menghadap Jalan

- 1. Peristiwa Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.**

Sebab:

- Seseorang yang berada dalam kesusahan perlu dibantu agar dapat meringankan beban mereka.

- 2. Peristiwa Lili merasa sangat bahagia sewaktu melihat ibu berbual-bual mesra dengan datuk semasa ibu pulang ke kampung untuk menjemput Lili pulang ke Kuala Lumpur.**

Sebab:

- Seseorang anak perlu mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapanya walaupun sudah berkeluarga dan memiliki kerjaya yang baik.

- 3. Peristiwa Rafik dan Haziq akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian.**

Sebab:

- Pelajaran amat penting dalam kehidupan

- 4. Peristiwa Che Jah dan anak-anaknya mendapat pembelaan yang sewajarnya apabila suaminya Seman berjaya dihadapkan ke muka pengadilan.**

Sebab:

- Seseorang yang melakukan kesalahan perlu menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.

Novel Songket Berbenang Emas

- 1. Peristiwa Nek Kiah yang tidak menyukai keluarga Dahlia dan bersikap pilih kasih akhirnya insaf selepas dia dijaga dengan baik oleh Dahlia dan adik-beradiknya semasa Nek Kiah sakit.**

Sebab:

- Ahli keluarga tidak perlu mempunyai sikap pilih kasih terhadap anak cucu.

- 2. Peristiwa Penduduk Kampung Haji Rais telah bermuafakat dan bekerjasama membina rumah Embong semula yang musnah akibat banjir. Kaum wanita bergotong-royong menyediakan makan.**

Sebab:

- Permuafakatan amat penting dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

- 3. Peristiwa Masyarakat kampung telah berjaya memungut sumbangan sebanyak RM500.00 dan sumbangan peribadi RM300 daripada Tauke Lim kepada Dahlia untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun.**

Sebab:

- Kepentingan budaya tolong menolong dalam kehidupan bermasyarakat

- 4. Peristiwa Dahlia terpilih melanjutkan pelajaran dalam bidang pengurusan perniagaan selama empat tahun di Jepun.**

Sebab:

- Ketabahan dan kegigihan menempuh pelbagai cabaran membuahkan memperoleh kejayaan.

- 5. Peristiwa Azhari menghadiahkan sehelai songket berbenang kepada Dahlia sebagai merainya kejayaan melanjutkan pelajaran dan simbol bahawa mereka orang Melayu.**

Sebab:

- Kepentingan menjaga mempertahankan budaya Melayu

PERATURAN PEMARKAHAN MODUL TAMAT

